



## LAPORAN LIPUTAN MEDIA

KHAMIS / 23 NOVEMBER 2023

- 1. PESAWAH MADA TUNGGU BAJA 155 HARI – UTUSAN MALAYSIA**
- 2. RM 448.8j SUBSIDI, INSENTIF PESAWAH TAK DIBENARKAN – BERITA HARIAN**
- 3. PERUNTUKAN INSENTIF, SUBSIDI KEPADA PESAWAH TIDAK DIBELANJAKAN – SINAR HARIAN**

**DISEDIAKAN OLEH:**

**CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT (MADA)**

KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
TARIKH : 23 NOVEMBER 2023  
PERKARA : ISU SEMASA

# Pesawah MADA tunggu baja sehingga 155 hari

**PETALING JAYA:** Pesawah di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) terpaksa menunggu antara enam hingga 155 hari bagi mendapat bekalan baja dari pembekal untuk dihantar ke stor Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) pada tahun lalu.

Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2022, terdapat tiga peringkat pembajaan yang memerlukan bekalan baja daripada pembekal iaitu pembajaan pertama (baja sebatian), pembajaan kedua (baja urea) dan pembajaan ketiga (baja NPK).

Ketua Audit Negara, Datuk Wan Suraya Wan Mohd. Radzi berkata, pesawah di kawasan MADA terpaksa menghadapi isu kelewatan untuk ketiga-tiga peringkat pembajaan antara enam sehingga 155 hari.

"Peringkat pembajaan pertama tempoh kelewatan antara

enam hingga 155 hari, pembajaan kedua (enam hingga 135 hari) manakala pembajaan ketiga (enam hingga 115 hari)," katanya dalam LKAN 2022 yang dikeluarkan, semalam.

Beliau berkata, hasil maklum balas daripada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) mendapati, kelewatan bekalan baja disebabkan beberapa penutupan di kilang pembekal di Gurun, Kedah pada hujung tahun 2021.

Selain itu, bahan mentah baja dari negara China dan Belarus tidak diterima pada tahun 2022.

"Manual pelaksanaan Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) dan Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) telah ditambah baik oleh Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan telah diangkat ke KPBM pada 29 Ogos 2023.

"Pindaan dibuat kepada

perkara 8.2: Pesanan Baja yang mana borang pesanan boleh dihantar melalui emel, faks, pos atau serahan secara fizikal kepada pihak pembekal dan akan dikira sebagai penerimaan pesanan oleh pembekal," katanya.

Bagaimanapun, Wan Suraya berkata, pihaknya berpendapat bahawa kelewatan terimaan baja menyebabkan pembajaan tidak dapat dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan dan boleh menjelaskan pertumbuhan pada serta memberi kesan kepada hasil pengeluaran.

Justeru, beliau mengesyorkan supaya tindakan tegas dikenakan terhadap pembekal dengan mengenakan denda kelewatan pembekalan baja berdasarkan syarat kontrak dan mewujudkan alternatif pembekal baja selain daripada Pembekal KEB 15/1.

KERATAN AKHBAR

: BERITA HARIAN

TARIKH

: 23 NOVEMBER 2023

PERKARA

: ISU SEMASA

Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2022

# RM448.87j subsidi, insentif pesawah tak dibelanjakan

Penyaluran peruntukan tak memuaskan berikutan KPBM tak semak baki di LPP

Oleh Suzalina Halid dan Mohd Nasaruddin Parzi  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Sebanyak RM448.87 juta pemberian subsidi dan insentif kepada pesawah yang disalurkan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPBM) kepada Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) di kesan tidak dibelanjakan.

Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2022 yang dikeluarkan semalam, jumlah RM448.87 itu adalah baki peruntukan terkumpul setakat tahun 2022.

Menurutnya, pengurusan penyaluran peruntukan adalah kurang memuaskan berikutan KPBM tidak menyemak baki peruntukan di LPP sebelum penyaluran peruntukan tahunan dibuat, manakala baki peruntukan bagi program 'Entry Point Project' (EPP) 11 yang ditamatkan, tidak dikembalikan agensi terbabit.

"Ia menyebabkan LPP masih mempunyai baki terkumpul yang tidak dibelanjakan secara optimum bagi membantu golongan sasar mengurangkan kos pengeluaran padi."

"Semakan audit mendapati RM3.673 bilion disalurkan KPBM



LPP masih mempunyai baki terkumpul yang tidak dibelanjakan secara optimum bagi membantu golongan sasar mengurangkan kos pengeluaran padi.

kepada LPP bagi tempoh 2019 hingga 2022 untuk pelaksanaan pelbagai skim bantuan subsidi dan insentif penanaman padi.

"Laporan prestasi tuntutan pembekalan bagi Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP), Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) dan Insentif Benih Padi Sah (IBPS), mendapati jumlah perbelanjaan LPP bagi tempoh itu adalah sebanyak RM3.224 bilion dengan baki peruntukan terkumpul berjumlah RM448.87 juta," katanya.

Katanya, isu kelewatan pembekalan baja untuk tempoh 2016 hingga 2019 juga adalah kerugian kepada kerajaan dan golongan sasar kerana bekalan baja lewat belum diwartakan menyebabkan penyusutan kawasan penanaman padi di empat kawasan jelapang.

"Bekalan benih padi asas yang tidak mencukupi juga membuka ruang kepada penggunaan benih padi yang tidak diiktiraf Jabatan Pertanian Malaysia, kelewatan penghantaran baja kepada pes-

alah tidak memuaskan dengan sasaran hasil pengeluaran padi dan produktiviti padi bagi setiap hektar tidak tercapai.

**Pengeluaran tak capai sasaran**  
Selain itu, pencapaian objektif dan keberhasilan bagi pengeluaran beras dan Kadar Saru Diri (SSL) beras serta pendapatan perasaw juga tidak mencapai sasaran ditetapkan.

"Pengurusan program juga tidak memuaskan kerana terdapat kawasan penanaman padi masih belum diwartakan menyebabkan penyusutan kawasan penanaman padi di empat kawasan jelapang.

"Bekalan benih padi asas yang tidak mencukupi juga membuka ruang kepada penggunaan benih padi yang tidak diiktiraf Jabatan Pertanian Malaysia, kelewatan penghantaran baja kepada pes-

wah serta kebergantungan kepada perkhidmatan jentera pihak swasta," katanya.

Menurut LKAN 2022, penyelenggaraan pengairan dan saliran juga tidak dapat dilaksanakan mengikut perancangan disebabkan kekangan peruntukan dan ia memberi kesan kepada produktiviti padi.

KPBM juga didapati tidak menjaga kepentingan kerajaan apabila meluluskan secara keseluruhan pengecualian denda kelewatan penghantaran baja berjumlah RM211.27 juta kepada pembekal.

Justeru, audit mengesyorkan supaya KPBM mewujudkan pangkalan data bersepada dan menyeluruh membabitkan maklumat berkaitan pesawah serta pihak dalam rantai pengeluaran padi seperti pengilang, pemborong dan peruncit.

**KERATAN AKHBAR : SINAR HARIAN**  
**TARIKH : 23 NOVEMBER 2023**  
**PERKARA : ISU SEMASA**

## Peruntukan insentif, subsidi kepada pesawah tidak dibelanjakan

**KUALA LUMPUR** - Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2022 mendapati, pencapaian program penanaman padi di kawasan seluas 416,415 hektar atau 64.3 peratus daripada 647,936 hektar kawasan penanaman padi di seluruh negara tidak memuaskan.

Menurut laporan yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada Rabu, terdapat jelapang padi belum diwartakan sebagai kawasan penanaman padi sejak 31 Disember 2022 menyebabkan kawasan penanaman padi di empat jelapang mengalami penyusutan sebanyak 11,123 hektar.

Empat jelapang padi itu ialah Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kerian, IADA Barat

Laut Selangor, IADA Kawasan Pembangunan Pertanian Terengganu Utara (Ketara) dan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA).

Prestasi tidak memuaskan disebabkan masalah bekalan benih padi asas tidak mencukupi, sekali gus membuka ruang kepada penggunaan benih padi tidak diiktiraf Jabatan Pertanian Malaysia, selain kelewataran pengagihan baja kepada pesawah serta pertanggungan kepada perkhidmatan jentera pihak swasta disebabkan hanya 589 daripada 892 jentera pertanian boleh beroperasi.

Laporan itu juga mendapati baki peruntukan terkumpul setakat 2022 berjumlah RM448.87 juta yang disalur-

kan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) kepada Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) bagi pemberian subsidi dan insentif kepada pesawah, tidak dibelanjakan.

"KPKM juga didapati tidak menjaga kepentingan kerajaan apabila meluluskan secara keseluruhan pengecualian denda kelewataran penghantaran baya berjumlah RM211.27 juta kepada pembelek.

"Selain itu, terdapat kelemahan dalam pemantauan baki peruntukan yang berada di LPP dan agensi yang terlibat dengan Program Pengukuhkan Produktiviti Penanaman Padi di Lain-lain Kawasan Pengairan (EPP 11)," menurut laporan tersebut. - Bernama

“

Laporan itu juga mendapati baki peruntukan terkumpul setakat 2022 berjumlah RM448.87 juta yang disalurkan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) kepada Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) bagi pemberian subsidi dan insentif kepada pesawah, tidak dibelanjakan."